



IKLAN JAWATAN KOSONG PEGAWAI TADBIR N41 (KONTRAK) PUSAT JARINGAN INDUSTRI DAN KOMUNITI (I-KOM)

Sukacita dimaklumkan bahawa Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (I-Kom), UKM ingin mempelawa semua Warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi segera kekosongan jawatan pelantikan seperti berikut:

1. Pegawai Tadbir N41

Taraf Jawatan	:	Kontrak
Kekosongan	:	1
Kelayakan	:	Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji Pokok: RM 2,080.00)
Tempoh Perkhidmatan	:	1 tahun (boleh dilanjutkan tertakluk kepada keperluan/prestasi)

Deskripsi Tugas

1. Merancang dan melaksanakan penganjuran Program/Aktiviti kerjasama universiti-industri-agensi kerajaan-media-komuniti dalam aktiviti teras UKM
2. Mengukuhkan jaringan serta keterlibatan strategik, produktif dan lestari antara akademia-industri dan masyarakat
3. Menguruskan latihan/aktiviti berteras komuniti/kesukarelawan dengan industri, NGO, agensi kerajaan dan komuniti
4. Membantu menjalankan tugas lain dalam skop pentadbiran dan aktiviti Jabatan (ad-hoc)

Syarat Lantikan

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
3. Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **DAN**
4. **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Kriteria Pemilihan

1. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
2. Mempunyai kemahiran berkomunikasi dengan baik
3. Kemahiran Perhubungan Awam (Public Relation)
4. Boleh bekerja di luar kawasan (Willing to travel) / luar waktu pejabat

Cara memohon:

Pemohon yang berminat perlu menghantar Resume yang lengkap melalui emel di: i-kom@ukm.edu.my (u/p: Encik Muhammad Faris Zaharudin, Ketua Pentadbiran, Pusat Jaringan Industri & Komuniti (I-Kom) UKM beserta dokumen berikut:

1. Salinan kad pengenalan
2. Salinan transkrip akademik
3. Salinan sijil SPM

Hanya pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh Tutup permohonan adalah pada 5 April 2023 (Rabu)